



17 April 2017
17 April 2017
P.U. (A) 124

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERSAINGAN
(TRIBUNAL RAYUAN) 2017

*COMPETITION (APPEAL TRIBUNAL)
REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERSAINGAN 2010

PERATURAN-PERATURAN PERSAINGAN (TRIBUNAL RAYUAN) 2017

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PERMULAAN PROSIDING RAYUAN

3. Notis rayuan
4. Ketidakpatuhan kehendak yang berhubungan dengan notis rayuan
5. Notis rayuan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar
6. Penyampaian notis rayuan
7. Pernyataan jawapan
8. Penyampaian pernyataan jawapan
9. Pindaan notis rayuan
10. Pindaan pernyataan jawapan

BAHAGIAN III
PROSIDING RAYUAN

11. Perwakilan dalam prosiding
12. Pengurusan kes
13. Arahan

Peraturan

14. Permintaan untuk layanan kerahsiaan
15. Saman untuk hadir
16. Pendengaran
17. Pendengaran hendaklah secara terbuka
18. Rayuan boleh didengar bersama
19. Ketidakhadiran pihak-pihak
20. Pengetepian keputusan
21. Perintah persetujuan
22. Penarikan balik rayuan
23. Penangguhan
24. Keputusan Tribunal

BAHAGIAN IV

AM

25. Bahasa
26. Cara penyampaian
27. Rekod prosiding
28. Pelupusan dokumen, dsb.
29. Arahan amalan
30. Kecualian

AKTA PERSAINGAN 2010

PERATURAN-PERATURAN PERSAINGAN (TRIBUNAL RAYUAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 65 Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Persaingan (Tribunal Rayuan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota Tribunal yang mempengerusikan” ertinya Presiden atau anggota Tribunal yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu rayuan di hadapan Tribunal;

“Daftar” ertinya Daftar Tribunal Rayuan Persaingan;

“peguam bela” ertinya—

(a) seorang peguam bela dan peguam cara mengikut pengertian Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

(b) seorang peguam bela mengikut pengertian Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Cap. 2*]; atau

(c) seorang peguam bela mengikut pengertian Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Cap. 110*];

“perayu” ertinya seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh suatu keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 35, 39 atau 40 Akta;

“Presiden” ertinya Presiden Tribunal Rayuan Persaingan yang dilantik di bawah subseksyen 45(2) Akta;

“rayuan” ertinya suatu rayuan yang dibuat kepada Tribunal di bawah seksyen 51 Akta;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan yang dilantik di bawah subseksyen 50(1) Akta;

“Tribunal” ertinya Tribunal Rayuan Persaingan yang ditubuhkan di bawah seksyen 44 Akta;

“wakil” ertinya—

- (a) berhubung dengan seorang perayu, seorang peguam bela, atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh perayu dan dibenarkan oleh Tribunal untuk hadir bagi pihak perayu; dan
- (b) berhubung dengan Suruhanjaya, seorang peguam bela, atau mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Suruhanjaya untuk hadir bagi pihaknya.

BAHAGIAN II
PERMULAAN PROSIDING RAYUAN

Notis rayuan

3. (1) Tiap-tiap notis rayuan yang difailkan dengan Tribunal di bawah seksyen 51 Akta hendaklah dalam lapan salinan dan—

(a) hendaklah menyatakan—

- (i) nama perayu, dan wakilnya jika ada;
- (ii) nama Suruhanjaya, dan wakilnya jika ada;
- (iii) alamat penyampaian bagi apa-apa notis atau dokumen kepada perayu atau wakilnya;
- (iv) alamat penyampaian bagi apa-apa notis atau dokumen kepada Suruhanjaya atau wakilnya;
- (v) tarikh keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat dan ringkasan kandungan keputusan itu;
- (vi) pernyataan fakta yang jelas dan padat;
- (vii) alasan rayuan bersama dengan butir-butir fakta atau undang-undang yang Suruhanjaya dikatakan telah terkhilaf;
- (viii) hujah fakta atau undang-undang yang ringkas yang menyokong setiap alasan rayuan; dan
- (ix) relief, atau arahan jika ada, yang dipohon oleh perayu; dan

(b) hendaklah menyenaraikan semua dokumen sokongan yang dilampirkan pada notis rayuan, jika ada.

(2) Notis rayuan itu hendaklah ditandatangani dan dicatatkan tarikh oleh perayu atau wakilnya.

(3) Notis rayuan itu hendaklah disertakan dengan sesalinan keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat.

Ketidakpatuhan kehendak yang berhubungan dengan notis rayuan

4. Jika notis rayuan yang difailkan tidak mematuhi peraturan 3, Tribunal boleh mengarahkan perayu untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang perlu untuk memastikan bahawa kehendak di bawah peraturan 3 dipatuhi.

Notis rayuan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar

5. (1) Apabila notis rayuan diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan notis rayuan yang difailkan—

(a) ditandatangani dan dicatatkan tarikh;

(b) dimeterai dengan meterai Tribunal; dan

(c) diberikan nombor rujukan.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap notis rayuan yang difailkan dicatatkan dalam Daftar.

(3) Selepas notis rayuan yang difailkan dicatatkan dalam Daftar, Setiausaha hendaklah menyebabkan dua salinan notis rayuan itu dikembalikan kepada perayu.

Penyampaian notis rayuan

6. Perayu hendaklah menyampaikan sesalinan notis rayuan yang ditandatangani dan dimeterai kepada Pengerusi Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh notis rayuan itu dikembalikan kepada perayu.

Pernyataan jawapan

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (5), Suruhanjaya yang telah disampaikan dengan sesalinan notis rayuan di bawah peraturan 6 hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian itu, memfailkan pernyataan jawapan dalam enam salinan dengan Tribunal.

(2) Pernyataan jawapan itu—

(a) hendaklah menyatakan—

- (i) nama Suruhanjaya, dan wakilnya jika ada;
- (ii) alamat penyampaian bagi apa-apa notis atau dokumen kepada Suruhanjaya atau wakilnya;
- (iii) hujah fakta atau undang-undang yang ringkas yang menyokong keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat; dan
- (iv) relief atau arahan yang dipohon oleh Suruhanjaya, jika ada; dan

(b) hendaklah menyenaraikan semua dokumen sokongan yang dilampirkan pada pernyataan jawapan itu, jika ada.

(3) Pernyataan jawapan itu hendaklah ditandatangani dan dicatatkan tarikh oleh Suruhanjaya atau wakilnya.

(4) Pernyataan jawapan itu hendaklah terbatas kepada perkara yang dibangkitkan dalam notis rayuan.

(5) Tribunal boleh, atas permohonan Suruhanjaya, melanjutkan tempoh masa bagi pemfailan pernyataan jawapan di bawah subperaturan (1).

Penyampaian pernyataan jawapan

8. Suruhanjaya hendaklah menyampaikan sesalinan pernyataan jawapan yang ditandatangani kepada perayu dalam masa empat belas hari dari tarikh pernyataan jawapan itu difailkan dengan Tribunal.

Pindaan notis rayuan

9. (1) Perayu boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda notis rayuan yang difailkan di bawah peraturan 3 dengan kebenaran Tribunal dan tertakluk kepada apa-apa terma, dan apa-apa arahan berbangkit, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Tribunal tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda notis rayuan yang difailkan di bawah peraturan 3 bagi maksud memasukkan alasan rayuan yang baharu melainkan jika Tribunal berpuas hati bahawa—

- (a) alasan rayuan yang baharu itu berasaskan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh perayu hanya selepas notis rayuan itu difailkan;
- (b) alasan rayuan yang baharu itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam notis rayuan itu apabila ia difailkan; atau
- (c) alasan rayuan yang baharu itu dimasukkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), perayu hendaklah memfailkan notis rayuan terpinda itu dalam lapan salinan dengan Tribunal.

(4) Setiausaha hendaklah menyebabkan notis rayuan terpinda itu ditandatangani dan dimeterai, dan dikembalikan kepada perayu.

(5) Jika notis rayuan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas notis rayuan itu disampaikan kepada Suruhanjaya di bawah peraturan 6, notis rayuan terpinda yang ditandatangani dan dimeterai itu hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh notis rayuan terpinda itu dikembalikan kepada perayu di bawah subperaturan (4).

(6) Jika notis rayuan terpinda itu disampaikan kepada Suruhanjaya selepas pernyataan jawapan disampaikan kepada perayu di bawah peraturan 8, Suruhanjaya boleh meminda pernyataan jawapannya dan menyampaikan pernyataan jawapan terpinda itu kepada perayu dalam masa empat belas hari dari tarikh notis rayuan terpinda itu disampaikan kepada Suruhanjaya.

Pindaan pernyataan jawapan

10. (1) Suruhanjaya boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda pernyataan jawapan yang difailkan di bawah peraturan 7 dengan kebenaran Tribunal dan tertakluk kepada apa-apa terma, dan apa-apa arahan berbangkit, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Tribunal tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda pernyataan jawapan yang difailkan di bawah peraturan 7 melainkan jika Tribunal berpuas hati bahawa—

- (a) pindaan itu berasaskan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh Suruhanjaya hanya selepas pernyataan jawapan itu difailkan;
- (b) pindaan itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam atau ditinggalkan daripada pernyataan jawapan itu apabila ia difailkan; atau

(c) pindaan itu dimasukkan atau ditinggalkan disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah memfailkan pernyataan jawapan terpinda itu dalam enam salinan dengan Tribunal.

(4) Jika pernyataan jawapan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas pernyataan jawapan itu disampaikan kepada perayu di bawah peraturan 8, pernyataan jawapan terpinda itu hendaklah disampaikan kepada perayu dalam masa empat belas hari dari tarikh pernyataan jawapan terpinda itu difailkan dengan Tribunal.

BAHAGIAN III PROSIDING RAYUAN

Pewakilan dalam prosiding

11. Mana-mana pihak boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, hadir sendiri atau melalui seseorang wakil.

Pengurusan kes

12. (1) Jika Tribunal mendapati bahawa suatu pengurusan kes boleh memudahkan mana-mana prosiding, Tribunal boleh, atas usulnya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak, mengarahkan pihak-pihak untuk menghadiri suatu pengurusan kes yang berhubungan dengan perkara yang berbangkit dalam prosiding itu.

(2) Tujuan pengurusan kes itu hendaklah termasuk yang berikut:

(a) untuk memastikan penjalanan prosiding yang berkesan;

(b) untuk menentukan isu dalam prosiding itu yang baginya pihak-pihak dikehendaki untuk mengemukakan hujah atau keterangan lanjutan;

- (c) untuk menjelaskan isu dalam prosiding itu, hujah fakta atau undang-undang, dan terma-terma perintah, relief atau arahan yang dipohon oleh pihak-pihak;
- (d) untuk menimbangkan kemungkinan penyelesaian bagi semua atau mana-mana isu dalam prosiding itu dan untuk memastikan bahawa apa-apa persetujuan antara pihak-pihak direkodkan; dan
- (e) untuk memastikan bahawa perjalanan prosiding itu direkodkan.

(3) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Tribunal, suatu pengurusan kes hendaklah diadakan secara tertutup.

Arahan

13. (1) Tribunal boleh memberikan arahan di bawah perenggan 57(1)(g) Akta pada bila-bila masa, sama ada semasa pengurusan kes atau selainnya, atas usulnya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak, sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan, yang termasuklah arahan yang berhubungan dengan—

- (a) cara bagaimana prosiding itu akan dijalankan, termasuk apa-apa had masa yang hendaklah dipatuhi dalam perjalanan pendengaran itu;
- (b) pemfailan apa-apa pliding tambahan selepas pernyataan jawapan atau butir-butir tambahan oleh pihak-pihak;
- (c) penyediaan penghujahan;
- (d) pemfailan apa-apa ikatan pliding, pernyataan bertulis saksi dan laporan pakar, jika ada;
- (e) tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, pemfailan apa-apa ikatan dokumen sokongan yang ditandakan seperti yang berikut:

- (i) Bahagian A – ikatan dokumen yang dipersetujui;
 - (ii) Bahagian B – dokumen yang kesahannya tidak dipertikaikan tetapi kandungannya dipertikaikan; dan
 - (iii) Bahagian C – dokumen yang kesahannya dan kandungannya dipertikaikan;
- (f) pemfailan apa-apa pernyataan fakta yang dipersetujui dan pernyataan isu yang akan didengar;
- (g) kehadiran mana-mana orang yang mungkin dikehendaki untuk memberi keterangan atau mengemukakan maklumat, dokumen atau benda lain;
- (h) tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, keterangan yang dikehendaki untuk dibuktikan atau diketepikan, dan sama ada keterangan itu hendaklah diberikan secara lisan atau bertulis;
- (i) tempoh yang dalamnya pihak-pihak dikehendaki untuk membuat pertukaran dan memfailkan senarai saksi mereka dan pernyataan bertulis semua saksi yang akan memberikan keterangan pada pendengaran itu;
- (j) pemeriksaan saksi;
- (k) saksi pakar, termasuk pelantikan saksi pakar dan cara yang dengannya keterangan pakar itu akan diberikan;
- (l) perbelanjaan yang akan dibayar kepada mana-mana saksi yang hadir di hadapan Tribunal;

- (m)* perjalanan pendengaran bagi seseorang yang bukan pihak dalam prosiding itu sebelum apa-apa perintah atau arahan diberikan kepada orang itu;
- (n)* pelanjutan atau penyingkatan apa-apa had masa yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini tanpa mengira habisnya tempoh had masa itu selain had masa bagi pemfailan notis rayuan;
- (o)* tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, rujukan semula keputusan yang dirayukan itu kepada Suruhanjaya secara keseluruhan atau sebahagiannya; dan
- (p)* penzahiran atau pengemukaan apa-apa dokumen oleh pihak-pihak.

(2) Jika mana-mana pihak tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan di bawah subperaturan (1), Tribunal, atas usulnya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak, boleh membuat keputusan yang berikut:

- (a)* menolak rayuan itu;
- (b)* membatalkan pernyataan jawapan; atau
- (c)* apa-apa keputusan atau perintah lain yang difikirkan sesuai oleh Tribunal.

(3) Tribunal boleh, atas permohonan mana-mana pihak, mengetepikan keputusan yang dibuat di bawah subperaturan (2) atas apa-apa terma, jika ada, sebagaimana yang difikirkan adil oleh Tribunal.

(4) Tribunal boleh, dalam memberikan arahan di bawah subperaturan (1)—

- (a)* mengemukakan soalan kepada pihak-pihak dan saksi-saksi;

- (b) mengarahkan pihak-pihak untuk membuat penghujahan bertulis atau lisan mengenai isu tertentu dalam prosiding itu;
- (c) mengarahkan mana-mana orang lain untuk memberikan apa-apa maklumat atau butir-butir yang berkaitan; atau
- (d) mengarahkan mana-mana orang lain untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang berkaitan.

(5) Suatu permintaan bagi apa-apa arahan di bawah subperaturan (1) boleh dibuat pada mana-mana peringkat prosiding dan hendaklah—

- (a) secara bertulis; dan
- (b) disampaikan kepada mana-mana orang yang ditentukan oleh Setiausaha, selepas mengambil kira penghujahan pihak-pihak, akan terjejas dengan arahan itu.

Permintaan untuk layanan kerahsiaan

14. (1) Mana-mana pihak atau orang yang memfailkan dengan, atau mengemukakan kepada, Tribunal apa-apa dokumen boleh membuat permintaan kepada Tribunal bagi layanan kerahsiaan dokumen itu, secara keseluruhan atau sebahagiannya.

(2) Permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa empat belas hari dari tarikh pemfailan atau pengemukakan dokumen itu.

(3) Jika permintaan di bawah subperaturan (1) berhubung dengan—

- (a) keseluruhan dokumen, pihak atau orang yang membuat permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah menyatakan sebab bagi permintaan itu; atau

(b) mana-mana bahagian dokumen, pihak atau orang yang membuat permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah menyatakan perkataan, angka atau petikan yang diniatkan untuk dilayan sebagai rahsia dan sebab bagi permintaan untuk setiap bahagian dokumen itu yang diniatkan untuk dilayan sebagai rahsia.

(4) Tribunal boleh membenarkan permintaan di bawah subperaturan (1) tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Tribunal.

(5) Pihak atau orang yang membuat permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah memberikan dokumen itu dalam bentuk bukan rahsia kepada Tribunal sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha.

(6) Tribunal tidak boleh menimbangkan apa-apa permintaan di bawah subperaturan (1) yang tidak mematuhi peraturan ini melainkan jika Tribunal mendapati bahawa ketidakpatuhan itu disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(7) Jika mana-mana pihak atau orang mempertikaikan layanan kerahsiaan yang dibenarkan di bawah subperaturan (4), Tribunal hendaklah memutuskan pertikaian itu selepas mendengar pihak atau orang yang mempertikaikan layanan kerahsiaan itu dan pihak atau orang yang telah memfailkan atau mengemukakan dokumen yang berhubungan dengan pertikaian itu.

Saman untuk hadir

15. (1) Mana-mana pihak boleh, tidak lebih daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran rayuan itu, meminta Setiausaha mengeluarkan saman untuk hadir kepada mana-mana orang dan permintaan itu hendaklah menyatakan—

(a) nama dan alamat orang yang hendak dipanggil itu;

(b) fakta yang mengenainya orang itu akan diperiksa dan sebab bagi pemeriksaan itu; dan

(c) dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan oleh orang itu dan sebab bagi pengemukaannya, jika ada.

(2) Walau apa pun peraturan 26, saman untuk hadir hendaklah disampaikan secara ke diri kepada orang itu.

(3) Jika orang yang dipanggil di bawah subperaturan (2) tidak mematuhi saman itu, Tribunal boleh menjalankan kuasanya berkenaan dengan hukuman kerana penghinaan mahkamah di bawah subseksyen 57(2) Akta.

Pendengaran

16. (1) Jika rayuan itu ditetapkan untuk pendengaran, Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis pendengaran kepada pihak-pihak yang menyatakan tarikh, tempat dan masa pendengaran.

(2) Pendengaran itu hendaklah dimulakan sebagaimana yang diarahkan oleh anggota Tribunal yang mempengerusikan yang hendaklah bertanggungjawab ke atas perjalanan yang sepatutnya bagi pendengaran apa-apa rayuan.

(3) Tribunal boleh, jika boleh dilaksanakan, mengelakkan formaliti dalam prosiding itu dan menjalankan pendengaran itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya paling sesuai bagi penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan berhemat.

(4) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Tribunal, seorang saksi boleh didengar jika—

(a) berkenaan dengan saksi pakar, pernyataan bertulis saksi itu, dan laporan pakar jika ada; dan

(b) berkenaan dengan mana-mana saksi yang lain, pernyataan bertulis saksi itu,

telah dikemukakan kepada Tribunal sebelum pendengaran itu dan apa-apa arahan Tribunal yang lain di bawah peraturan 13 telah dipatuhi.

Pendengaran hendaklah secara terbuka

17. (1) Pendengaran apa-apa rayuan hendaklah secara terbuka.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), mana-mana bahagian pendengaran boleh diadakan secara tertutup jika Tribunal berpuas hati bahawa semasa pendengaran itu Tribunal akan mempertimbangkan—

- (a) apa-apa maklumat yang penzahirannya mungkin bertentangan dengan kepentingan awam;
- (b) apa-apa maklumat sulit yang penzahirannya boleh dengan nyata sekali memudaratkan kepentingan perniagaan yang sah bagi apa-apa perusahaan yang baginya maklumat itu berkaitan; atau
- (c) apa-apa maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal persendirian bagi seseorang individu yang penzahirannya boleh dengan nyata sekali memudaratkan kepentingan individu itu.

Rayuan boleh didengar bersama

18. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Tribunal boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak kepada suatu rayuan, memerintahkan mana-mana rayuan yang lain untuk didengar bersama dengan rayuan yang mula-mula disebut itu jika Tribunal mendapati bahawa—

- (a) hal perkara bagi rayuan-rayuan itu timbul daripada keputusan Suruhanjaya yang sama; atau
- (b) hal perkara bagi rayuan-rayuan itu melibatkan isu yang serupa.

(2) Perintah di bawah subperaturan (1) hanya boleh dibuat selepas pihak-pihak kepada rayuan-rayuan yang berkenaan itu telah diberi peluang untuk didengar.

Ketidakhadiran pihak-pihak

19. (1) Jika perayu tidak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi Suruhanjaya hadir, Tribunal boleh, setelah berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya, menolak rayuan itu.

(2) Jika Suruhanjaya tidak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi perayu hadir, Tribunal boleh, setelah berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya—

(a) meneruskan pendengaran itu tanpa kehadiran Suruhanjaya; atau

(b) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain.

(3) Jika mana-mana pendengaran diteruskan tanpa kehadiran Suruhanjaya di bawah perenggan (2)(a), Tribunal hendaklah, sebelum menyelesaikan rayuan itu, menimbangkan apa-apa representasi yang dikemukakan oleh perayu.

(4) Jika kedua-dua pihak tidak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, rayuan itu hendaklah ditolak.

(5) Walau apa pun subperaturan (1) dan (4), tiada rayuan boleh ditolak jika alasan yang munasabah diberikan—

(a) berkenaan dengan penolakan di bawah subperaturan (1), oleh perayu; atau

(b) berkenaan dengan penolakan di bawah subperaturan (4), oleh perayu dan Suruhanjaya.

Pengetepian keputusan

20. (1) Tribunal boleh, atas permohonan pihak yang terkilan, mengetepikan apa-apa keputusan yang dibuat di bawah subperaturan 19(1) dan (2).

(2) Pihak yang terkilan itu boleh memfailkan suatu permohonan untuk mengetepikan keputusan itu dalam enam salinan dengan Tribunal dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu diterima dan hendaklah menyampaikan sesalinan permohonan itu kepada pihak yang satu lagi.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (2) diterima, Setiausaha hendaklah menetapkan tarikh, masa dan tempat pendengaran bagi permohonan itu dan hendaklah mengeluarkan notis pendengaran bagi permohonan itu kepada semua pihak.

Perintah persetujuan

21. (1) Jika pihak-pihak mencapai persetujuan secara keseluruhan atau sebahagiannya, semua pihak boleh meminta Tribunal untuk membuat suatu perintah persetujuan.

(2) Apa-apa permintaan untuk suatu perintah persetujuan hendaklah dibuat dengan menghantar serah kepada Setiausaha suatu draf perintah persetujuan yang ditandatangani oleh semua pihak atau wakil mereka yang menyatakan terma yang dipersetujui antara pihak-pihak.

(3) Tribunal boleh, sebagaimana yang difikirkannya sesuai dan selepas mendengar pihak-pihak—

(a) membuat perintah persetujuan sebagaimana yang diminta di bawah subperaturan (1);

(b) tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, mengubah terma perintah persetujuan itu dan membuat perintah persetujuan mengikut terma yang diubah itu; atau

(c) menolak untuk membuat perintah persetujuan itu.

Penarikan balik rayuan

22. (1) Perayu boleh, dengan kebenaran Tribunal, menarik balik rayuan pada bila-bila masa sebelum Tribunal membuat apa-apa keputusan mengenai rayuan itu dengan memfailkan suatu notis penarikan balik dengan Tribunal.

(2) Perayu hendaklah menyampaikan sesalinan notis penarikan balik itu kepada Suruhanjaya.

(3) Penarikan balik di bawah subperaturan (1) itu tidak akan menjejaskan kuasa Tribunal untuk membuat suatu perintah berhubung dengan pembayaran kos yang ditanggung sehingga masa pemfailan notis penarikan balik itu.

(4) Jika suatu rayuan ditarik balik, tiada rayuan baharu boleh dibawa oleh perayu berhubung dengan keputusan yang menjadi perkara bagi rayuan yang ditarik balik sedemikian.

Penangguhan

23. Tribunal boleh menangguhkan suatu pendengaran atau prosiding tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan adil oleh Tribunal.

Keputusan Tribunal

24. (1) Keputusan Tribunal di bawah seksyen 58 Akta—

(a) hendaklah dibuat—

(i) secara bertulis dan ditandatangani oleh semua anggota Tribunal yang mendengar rayuan itu; atau

(ii) secara lisan oleh anggota Tribunal yang mempengerusikan, atau jika anggota Tribunal yang mempengerusikan tidak hadir, oleh mana-mana anggota Tribunal yang lain yang mendengar rayuan

itu; dan

(b) hendaklah menyatakan sama ada keputusan itu berdasarkan majoriti atau selainnya.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan sesalinan keputusan itu diberikan kepada mana-mana pihak atas permintaan pihak itu.

(3) Setiausaha hendaklah mencatatkan keputusan Tribunal dalam Daftar.

BAHAGIAN IV

AM

Bahasa

25. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Tribunal boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada prosiding itu dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu hendaklah sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris, atau hendaklah keseluruhannya dalam bahasa Inggeris.

(3) Mana-mana pihak kepada prosiding itu boleh, dengan kebenaran Tribunal, meminta Tribunal untuk menyediakan seorang penterjemah yang diperakui untuk membantu saksi.

(4) Semua kos yang ditanggung berkenaan dengan penterjemah yang disediakan di bawah subperaturan (3) hendaklah ditanggung oleh pihak yang menyediakan penterjemah itu.

Cara penyampaian

26. (1) Apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh disampaikan dan hendaklah

disifatkan telah disampaikan kepada orang itu dengan menyampaikan sesalinan notis atau dokumen itu—

(a) jika orang itu ialah orang sebenar—

(i) secara ke diri kepada orang itu; atau

(ii) melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di alamat penyampaianya atau di alamat terakhir yang diketahui;

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan atau persatuan—

(i) secara ke diri kepada pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa bagi pertubuhan perbadanan, pertubuhan atau persatuan itu; atau

(ii) melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa bagi pertubuhan perbadanan, pertubuhan atau persatuan itu di pejabat berdaftar pertubuhan perbadanan, pertubuhan atau persatuan itu, atau di alamat penyampaianya; atau

(c) jika orang itu ialah suatu firma—

(i) secara ke diri kepada tuan punya tunggal atau pekongsi bagi firma itu; atau

(ii) melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada tuan punya tunggal atau pekongsi bagi firma itu di pejabat berdaftar firma itu atau di alamat penyampaianya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), penyampaian apa-apa notis atau dokumen kepada Suruhanjaya boleh dilaksanakan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Pengerusi Suruhanjaya di alamat penyampaian Suruhanjaya.

(3) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Tribunal, apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk difailkan dengan Tribunal hendaklah dihantar serah secara ke diri kepada Setiausaha di pejabat Tribunal.

Rekod prosiding

27. Setiausaha hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan rekod semua prosiding Tribunal dengan membuat catatan dalam fail rayuan yang berkenaan.

Pelupusan dokumen, dsb.

28. (1) Tribunal boleh, pada akhir prosiding, memerintahkan supaya apa-apa dokumen atau benda lain yang dikemukakan semasa prosiding itu dihantar serah kepada pemunya yang sah.

(2) Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis mengenai apa-apa perintah yang dibuat di bawah subperaturan (1) kepada pemunya yang sah bagi dokumen atau benda lain itu.

(3) Jika tiada seorang pun mengambil penghantarserahan dokumen atau benda lain itu yang disebut dalam subperaturan (1) dalam masa enam bulan dari tarikh notis di bawah subperaturan (2), pemunyaan dokumen atau benda lain itu hendaklah disifatkan telah dipindah milik kepada dan terletak hak pada Tribunal dan Tribunal boleh menguruskannya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Tribunal.

Arahan amalan

29. (1) Tribunal boleh mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi penjalanan peruntukan Peraturan-Peraturan ini yang lebih baik.

(2) Tribunal boleh meminda, mengubah, membatalkan atau menyemak arahan amalan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) secara keseluruhan atau sebahagiannya.

Kecualian

30. Apa-apa rayuan yang difailkan atau apa-apa prosiding yang dimulakan sebelum atau yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diteruskan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini belum mula berkuat kuasa.

Dibuat 10 April 2017
[KPDN(BUU)(PU2) 26/5/67]ld.4; PN(PU2)724/II]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi and Kepenggunaan*

COMPETITION ACT 2010

COMPETITION (APPEAL TRIBUNAL) REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

COMMENCEMENT OF APPEAL PROCEEDINGS

3. Notice of appeal
4. Non-compliance of requirements relating to notice of appeal
5. Notice of appeal to be sealed, *etc.*, and entered in the Register
6. Service of notice of appeal
7. Statement in reply
8. Service of statement in reply
9. Amendment of notice of appeal
10. Amendment of statement in reply

PART III

APPEAL PROCEEDINGS

11. Representation in proceedings
12. Case management
13. Directions

Regulation

14. Request for confidential treatment
15. Summons to appear
16. Hearing
17. Hearing to be in public
18. Appeals may be heard together
19. Non-appearance of parties
